

**Anugerah Khas Untuk Lima Syarikat Korporat Baru
Bernama
Julai 25, 2011**

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Buat julung kali, satu anugerah khas akan diberikan kepada lima syarikat korporat baru semasa pelancaran edisi kelima Malaysia 1000, satu direktori yang menyediakan maklumat komprehensif syarikat korporat utama Malaysia pada 14 Sept ini.

Pengerusi Kumpulan Basis Tan Sri Dr Abu Hassan Omar berkata lima syarikat korporat berkenaan dipilih daripada senarai syarikat yang disenaraikan dalam direktori tahun ini.

Buku itu akan dilancarkan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Palace of Golden Horses, di sini.

"Bagi tahun ini, kami telah menetapkan perolehan keuntungan minimum RM280 juta bagi setiap syarikat sebagai kriteria pemilihan ke dalam direktori berbanding RM145 juta sebelum ini," katanya pada sidang akhbar sempena pelancaran direktori perniagaan itu.

Turut hadir Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Pengurus Besar Bernama Datuk Hasnul Hassan dan Pengarah Urusan BASIS Publication House Sdn Bhd Zainoor Sulaiman.

Malaysia 1000 ialah satu projek usahasama BASIS Publications House Sdn Bhd, Bernama dan MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia).

Abu Hassan berkata senarai syarikat-syarikat menunjukkan peningkatan dalam perolehan keuntungan sebanyak 20 peratus setahun sejak edisi pertama dilancarkan pada 2003.

"Tahun ini, hanya kira-kira 30 peratus syarikat tersenarai dalam Bursa Malaysia dipilih untuk disenaraikan di dalam direktori ini," kata beliau.

Direktori utama korporat negara ini menyediakan akses kepada maklumat komprehensif syarikat Malaysia dalam pelbagai sektor korporat dan perindustrian, dengan memberikan mereka ranking daripada segi prestasi kewangan dan menyenaraikan peneraju dalam sektor berkenaan mengikut satu format yang direka bentuk bagi rujukan segera dan mudah.

Abdul Rahman berkata Bernama sukacita terlibat dalam usahasama berkenaan kerana ia dapat menggabungkan kekuatan agensi dan melengkapi antara satu sama lain menerusi pangkalan data maklumatnya.

"Ia merupakan satu perkhidmatan yang melangkaui perkhidmatan berita dan ia menunjukkan kepelbagaian keupayaan dalam bidang-bidang di mana maklumat adalah urusaniaga utamanya. Kami berpendapat penerbitan seumpamanya akan menjadi sumber rujukan berharga komuniti perniagaan.

"Saya ingin memberi jaminan kepada rakan kongsi kami bahawa Bernama akan terus menerokai peluang-peluang dalam bidang yang boleh memanfaatkan kemahiran kewartawanan untuk menyumbang ke arah masyarakat bermaklumat," kata beliau.

-- BERNAMA